

CORAK PENGANGKUTAN DI TAMAN REJANG, SIBU.

OLEH

MARY CHAN MIEW SIONG

PENYELIA

ENCIK MORSIDI SIRAT

LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN  
KEPUJIAN, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

15. 1. 1984.

PENGHARGAAN

Saya amat berterima kasih kepada Pensyarah Encik Morshidi Sirat yang telah sudi untuk menyelia dan membimbing saya di dalam penyelidikan dan penulisan Latihan Ulimiah ini.

Juga ucapan ribuan terima kasih kepada Pensyarah Dr. Goh Kim Chuan, sebagai Penasihat Akademik saya yang telah membimbing dan menasihati saya semasa pengajian saya di Universiti Sains Malaysia.

Kepada penolong pendaftar Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Encik Mohd. Mahizen, saya rakamkan ucapan terima kasih kerana telah memberikan suatu surat perakuan bagi memudahkan dan melicinkan proses penyelidikan ini.

Akhir sekali, tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada mereka di bawah itu kerana tanpa pertolongan dan kerjasama mereka, proses penyelidikan dan penulisan ini tidak akan menjadi kenyataan.

1. Pegawai Perancangan Jabatan Tanah dan Ukur, Sibul, Affandi Keli.
2. Setiausaha Majlis Perbandaran Daerah Sibul, Peter Lim.
3. Penolong Pegawai Jabatan Statistik, Sibul,
4. Pengurus-pengurus syarikat Bas Lanang dan Sungai Merah,
5. Penolong Pegawai Perbadanan Kemajuan Borneo,

6. Penolong Pegawai Jabatan Pengangkutan Darat,  
Sibu, Dan
7. Penduduk-penduduk di Taman Rejang, Sibu.

Sekian.

MARY CHAN MIEW SIONG  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

15. 1. 1984.

ABSTRAK

Masalah kesesakan lalulintas di Bandar Sibul merupakan persoalan yang banyak diperkataan oleh para pemimpin politik sejak akhir-akhir ini. Untuk mencari polisi-polisi untuk mengurangkan masalah ini, kefahaman yang menasabah mengenai corak pengangkutan diperlukan. Dalam kajian mengenai corak pengangkutan di Taman Rejang, Sibul, pengkaji menitikberatkan tiga jenis perjalanan iaitu perjalanan ke sekolah, perjalanan ke tempat kerja dan perjalanan ke tempat membeli-belah kerana mereka mewakili lebih dari 94.6% jumlah perjalanan di jalanraya Bandar Sibul pada waktu sesak. Taman Rejang dipilih sebagai kawasan kajian kerana ia adalah kawasan kediaman terbesar di Bandar Sibul. Dalam penganalisaan aliran kenderaan, didapati bahawa keadaan cuaca dan masa akan mempengaruhi corak aliran basikal di sepanjang Brooke Drive dan masa akan mempengaruhi aliran kereta di jalan ini. Di Taman Rejang, mod-mod terpenting bagi responden adalah berjalan kaki, basikal, kereta dan bas. Mod yang dipilih dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti jarak jauh perjalanan, keadaan cuaca, dan faktor sosio-ekonomi orang itu. Dengan maklumat-maklumat tentang destinasi perjalanan, mod-mod yang digunakan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan mod pengangkutan yang digunakan, pengkaji telah memberi beberapa cadangan untuk memperbaiki corak pengangkutan di Taman Rejang dan juga di Bandar Sibul.